

Kementerian banteras orang tengah jual ikan

PULAU TIOMAN - Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani akan melakukan pemantauan bagi membanteras peranan orang tengah dalam penjualan ikan kepada pengguna.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, usaha itu dilakukan bagi menghapuskan orang tengah yang memanipulasi rantaian pemasaran hasil laut dari jeti sebelum tiba ke tempat penjualan.

Menurutnya, pemantauan dilakukan merangkumi penekanan terhadap aspek penguatkuasaan menerusi bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP).

"Kita setuju apabila harga ikan tinggi di pasar, tekanan berlaku kepada kami di pihak pengeluar. Kita mahu mewujudkan situasi menang-menang untuk memberi keadilan bukan sahaja kepada nelayan, malah pengguna.

"Kita mahu beri harga terbaik kepada nelayan tetapi pada masa sama kita tak mahu pengguna menjadi sasaran.

"Kita mahu nelayan mendapat hasil pendapatan yang baik kerana mereka ini dalam lingkungan kitaran kemiskinan dan pengguna pula mendapat bekalan ikan dengan harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Sumber Asas Tani serta Sambutan Jubli Perak 25 tahun Taman Laut Malaysia di Pulau Tioman di sini kelmarin.